

# Penubuhan Fakulti Teknologi Islam diperkenankan



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) berkenan mengurniakan titah sempena Majlis Hafli Al-Takharruj Ke-10, UNISSA Bagi Tahun 1442H / 2020M, di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.**

**BERAKAS**, Isnin, 9 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin

Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad  
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

Brunei Darussalam, Canselor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) bertitah, UNISSA tidak dinafikan telah meraih banyak kejayaan dalam tempoh satu dekad Haflut Takharruj berlangsung.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam turut menekankan bahawa ia bukanlah 'titik noktah' untuk berhenti berusaha. Kerana pendidikan, sifatnya bukanlah mati, tetapi dinamik dan progresif.

Keperluan pendidikan dalam satu dekad yang lalu adalah tidak sama dengan keperluan masa kini yang telah memasuki fasa digital, titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Kebawah DYMM juga bertitah menekankan, dalam era digital, dunia pendidikan memerlukan pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang berbeza daripada

sebelumnya.

"Maka untuk itu, berdasarkan Al-Quran Al-Karim selaku sumber ilmu, termasuk ilmu sains dan teknologi, maka beta dengan suka cita memperkenankan penubuhan Fakulti Teknologi Islam atau Faculty of Islamic Technology di UNISSA," titah baginda.

"Penerokaan baru oleh UNISSA ini adalah merupakan satu usaha proaktif bagi membongkar lebih banyak lagi khazanah keilmuan dari Al-Quran dan Al-Hadis. Beta berharap penubuhan fakulti baru ini akan mencetuskan penyelidikan yang bernilai tinggi," titah baginda pada Majlis Hafli Al-Takharruj Ke-10, UNISSA Bagi Tahun 1442H / 2020M, yang berlangsung pagi tadi di Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

Titah baginda, mengambil sukut hari yang baik ini, baginda tidak lupa mengucapkan syabas dan tahniah kepada para

graduan yang telah berjaya menyempurnakan pengajian masing-masing di UNISSA dan baginda seterusnya berharap agar para graduan akan bersikap lebih proaktif dan tidak cuma menjadi pemerhati.

"Rebutlah segala peluang yang ada dan pupuk sikap ingin memajukan diri, kerana segulung ijazah bukanlah penamat dari terus menimba ilmu, sebagaimana Islam melihat bahawa menuntut ilmu itu adalah kerja sepanjang hayat," tegas baginda lagi.

Sebelum mengakhiri titah, baginda merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada seluruh warga UNISSA yang meliputi Ahli-ahli Majlis dan Senat, Rektor, Pegawai-pegawai Utama, Tenaga Akademik dan seluruh pegawai dan kakitangan universiti di atas segala sumbangan dan khidmat bakti mereka dalam menjayakan Majlis Haflut Takharruj Ke-10 ini.

"Semoga Allah Subhanahu Wata'alá akan membalsas mereka dengan ganjaran yang berlipat ganda," titah baginda.

## UNISSA lahirkan 292 graduan Hafli Al-Takharruj Ke-10



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) berkenan berangkat ke Majlis Hafli Al-Takharruj Ke-10 UNISSA. Berangkat sama paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Pro Canselor UNISSA (atas kiri dan atas).**

dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor UNISSA.

Berangkat sama, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin

Waddaulah, Menteri Kanan di

Jabatan Perdana Menteri, Pro Canselor UNISSA.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dijunjung oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman selaku Pengurus Majlis UNISSA; dan Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfani bin

Haji Zainal.

Sejurus keberangkatan tiba, perarakan Kebawah DYMM dan Duli Yang Teramat Mulia masuk Dewan Plenari, dengan didahului Bentara menjunjung Mushaf UNISSA di hadapan perarakan berkenaan.

**Ke muka 4**

**BERAKAS**, Isnin, 9 November. - Seramai 292 graduan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) menerima ijazah dan diploma dalam peringkat pengajian Ijazah Doktor Falsafah, Ijazah Sarjana, Ijazah Sarjana Muda dan Diploma pada Majlis Hafli Al-Takharruj Ke-10 UNISSA, berlangsung di Pusat

Persidangan Antarabangsa, di sini.

Berangkat mengurniakan ijazah dan diploma berkenaan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menyempurnakan pengurniaan ijazah dan diploma kepada para graduan (kiri dan kanan). Sementara gambar bawah kiri, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan beramah mesra bersama salah seorang graduan.



### Dari muka 3

Perarakan masuk diiringi dengan alunan selawat dan qasidah (dikir) 'Ahlan Bikum Sultanana', diikuti dengan nyanyian Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' sejurus selesai Perarakan Canselor.

Hafli Al-Takharruj diimarahkan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran, iaitu Surah Al-Isra', ayat 78 hingga 80 yang dibacakan oleh graduan Sarjana Muda Sains dalam Kewangan Islam, Awangku Muhamad Zul Iskandar bin Pengiran Zulkifli.

Manakala bacaan inti sari ayat-ayat suci Al-Quran pula, dibacakan oleh Graduan Sarjana Muda Undang-Undang dan Sarjana Muda Perundungan Syariah, Awang Muhammad Hafiz bin Haji Hamzulani.

Antara inti sari ayat-ayat Al-Quran, dinyatakan bahawa sembahyang dapat membina jati diri seseorang insan, di mana ikhlas dan khusyuk di dalam sembahyang akan menguatkan jiwa seseorang, membawa kepada kebaikan dan terhindar daripada kemungkaran.

Selain itu, peribadi unggul yang dibentuk melalui sembahyang setentunya akan membentuk satu sistem kekeluargaan yang harmoni dan direndai, di mana akan mewujudkan satu generasi yang baik juga berakhhlak mulia.

Pada majlis tersebut, Kebawah DYMM berkenan mengurniakan titah, seterusnya menyempurnakan pengurniaan ijazah dan diploma kepada para graduan.

Terdahulu, Rektor UNISSA



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia berkenan meneliti Mushaf Al-Quran UNISSA yang buat pertama kalinya dijunjung oleh Bentara ketika keberangkatan Perarakan Canselor masuk (atas). Manakala gambar bawah, sebahagian daripada graduan yang diraikan pada Majlis Hafli Al-Takharruj Ke-10 UNISSA.

menyembah sembah  
alu-aluan, seterusnya  
memaklumkan penerima-penerima  
Pingat dan Hadiah  
Buku Universiti juga para  
penyumbang sempena Hafli  
Al-Takharruj Ke-10 UNISSA.

Bagi memberkati majlis, Doa  
Selamat dibacakan oleh Mufti

Kerajaan, Yang Berhormat Pehin  
Datu Seri Maharaja Dato Paduka  
Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang  
Abdul Aziz bin Juned.

Hafli Al-Takharruj tahun ini,  
menyaksikan lapan graduan  
menerima Ijazah Doktor  
Falsafah; 44 graduan Ijazah  
Sarjana; 13 Diploma

Perundangan Islam dan Guaman Syarie'; sembilan penerima Diploma Lepasan Ijazah; 187 graduan menerima Ijazah Sarjana Muda; dan 31 graduan menerima Ijazah Diploma Tertinggi Kebangsaan Sistem Keadilan Jenayah Syariah.

Daripada jumlah tersebut,  
seramai 26 graduan, terdiri  
daripada mahasiswa  
antarabangsa, iaitu dari  
Afghanistan; Republik Arab  
Mesir; Filipina; Indonesia;  
Nigeria; Palestin; Singapura; Sri  
Lanka; Sudan; Tajikistan;  
Thailand; dan Republik Kyrgyz.

### Ke muka 5

AYAT-ayat suci Al-Quran dibacakan oleh graduan Sarjana Muda Sains dalam Kewangan Islam, Awangku Muhamad Zul Iskandar bin Pengiran Zulkifli, manakala bacaan inti sari ayat-ayat suci Al-Quran, dibacakan oleh Graduan Sarjana Muda Undang-Undang dan Sarjana Muda Perundungan Syariah, Awang Muhammad Hafiz bin Haji Hamzulani (kiri sekali).





**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka anakanda baginda berkenan bergambar ramai bersama Ahli-ahli Majlis dan Senat, Rektor, Pegawai-pejawai Utama dan tenaga akademik UNISSA pada Majlis Hafli Al-Takharruj Ke-10 UNISSA tersebut.

#### Dari muka 4

Majlis pada tahun ini mempunyai sedikit kelebihan berbanding dengan acara tahun-tahun lalu, di mana tahun ini, buat pertama kalinya Mushaf Al-Quran yang dijunjung oleh Bentara ketika keberangkatan perarakan Canselor masuk adalah

dengan menggunakan Mushaf UNISSA.

Pada tahun ini juga, dua kursus pengajian keluaran pertama dikurniakan ijazah, iaitu Ijazah Sarjana Muda Tahfiz dan Qiraat kepada seramai tujuh graduan; dan Ijazah Sarjana Sains Halal kepada 12 graduan.

Ijazah Sarjana Muda Tahfiz

dan Qiraat adalah para graduan yang mengikuti pengajian di Fakulti Usuluddin, di mana mereka merupakan lepasan pelajar Diploma 'Aliyah Qiraat Tahun Pertama dari Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan menyambung pengajian mereka ke Tahun 2, iaitu dalam tempoh

pengajian selama tiga tahun.

Keistimewaan program ini adalah pengkhususan Qiraat, namun para mahasiswa turut mengikuti pelbagai kursus lain, termasuklah Keusahawanan, ICT, Dakwah, Kokurikulum dan banyak lagi, bagi membuka lebih banyak ruang dan peluang bagi para lulusan program menajamkan pelbagai kemahiran untuk meneroka dan lebih berdaya saing bagi mendapatkan pekerjaan pada masa depan, yang pastinya akan lebih kompetitif.

Program tersebut turut menawarkan Program Pengajian Di Luar Negara (Study Abroad

Programme - SAP) bagi para mahasiswa yang cemerlang selama setahun, iaitu ketika berada dalam pengajian tahun ketiga mereka.

Pada Sesi Pengajian 2019 / 2020 lalu, seramai tiga mahasiswa cemerlang dihantar bagi mengikuti Program SAP di World Islamic Science Education University (WISE), Jordan.

Keramaian mahasiswa dalam program ini juga semakin meningkat setiap tahun dan menerima beberapa permohonan kemasukan dari luar negara.

#### Ke muka 6



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia bersama paduka anakanda baginda berkenan mengabadikan kenangan bergambar bersama para graduan UNISSA (atas kiri). Sementara gambar atas kanan dan bawah kiri, terpancar perasaan gembira para graduan mengabadikan gambar kenangan manis bersama ahli keluarga masing-masing. Manakala gambar bawah kanan, para graduan semasa bergambar ramai.





**KEBAWAH DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan berangkat pada Majlis Haf Al-Takharruj Ke-10, UNISSA.**



profesional melalui kursus juga amalan dan mendedahkan mereka kepada perkembangan terkini dalam bidang halal.

Antara pengisian program adalah menjalankan penyelidikan secara komprehensif berkaitan Halalan Thayyibah juga mengupas isu-isu berkaitan Halalan Thayyibah dari semasa ke semasa secara bersistematik demi menjaga kesucian Islam.

Program berkenaan dijangka akan melengkapkan mahasiswa dengan pengetahuan lanjutan dan

Muda Kewangan Islam UNISSA, yang telah mendapat pengiktirafan dari Institut Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (Islamic Banking and Finance Institute of Malaysia - IBFIM), di mana seramai sembilan graduan dalam program ini dianugerahkan Sijil Ahli Bersekutu dalam Kewangan Islam (Associate Qualification in Islamic Finance - AQIF).

Dengan penerimaan ijazah kepada setiap graduan, mereka diharap akan terus menyambung jasa bakti dalam dunia pekerjaan di arena masyarakat dengan membawa nilai-nilai yang diterapkan, iaitu taqwa, berkepimpinan, cemerlang, integriti dan berwawasan.

Inilah misi UNISSA, iaitu melahirkan pemimpin bertaqwah dan berwibawa yang menyumbang kepada pembangunan ummah melalui kecemerlangan akademik, penyelidikan dan khidmat masyarakat.

Pada tahun ini, UNISSA turut

melalui Kelulusan Ijazah Sarjana

UNISSA, yang telah mendapat pengiktirafan dari Institut Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (Islamic Banking and Finance Institute of Malaysia - IBFIM), di mana seramai sembilan graduan dalam program ini dianugerahkan Sijil Ahli Bersekutu dalam Kewangan Islam (Associate Qualification in Islamic Finance - AQIF).

Dengan penerimaan ijazah kepada setiap graduan, mereka diharap akan terus menyambung jasa bakti dalam dunia pekerjaan di arena masyarakat dengan membawa nilai-nilai yang diterapkan, iaitu taqwa, berkepimpinan, cemerlang, integriti dan berwawasan.

Inilah misi UNISSA, iaitu melahirkan pemimpin bertaqwah dan berwibawa yang menyumbang kepada pembangunan ummah melalui kecemerlangan akademik, penyelidikan dan khidmat masyarakat.

Kemajuan UNISSA akan semakin menyerlah setelah tertubuhnya nanti kampus kekal UNISSA, bertapak di Mukim Labu, Temburong, sekali gus melonjakkan lagi reputasi UNISSA dan merealisasikan harapan negara untuk melihatnya sebagai hab pengajian tinggi Islam di rantau ini.

**DOA Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan (kiri sekali). Manakala gambar kiri, antara graduan yang hadir pada majlis berkenaan.**

## Mushaf UNISSA pengganti cokmar Haf Al-Takharruj UNISSA

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

**BERAKAS**, Isnin, 9 November.

- Dalam usaha berterusan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) meningkatkan profilnya di peringkat antarabangsa, UNISSA melalui Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam telah melakar detik bersejarah apabila untuk kali kedua berturut-turut mengungguli Anugerah Global Islamic Finance Award 2020 (GIFA 2020) bagi Kategori GIFA Market Leadership Award 2020 (Education in Islamic Banking and Finance), pada 14 September lalu.

Penganugerahan GIFA 2020 itu merupakan satu pengiktirafan besar industri global terhadap pencapaian Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam, dalam pembangunan dan pengembangan pengajian bidang perbankan dan kewangan Islam di persada global.

Rektor UNISSA, Dr. Awang Haji Norarfian bin Haji Zainal menjelaskan perkara tersebut dalam sembah alu-aluannya, pada Majlis Haf Al-Takharruj Ke-10 UNISSA, yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

Dr. Awang Haji Norarfian

seterusnya menyembahkan, Kelulusan Ijazah Sarjana Muda Kewangan Islam UNISSA juga buat julung kalinya pada tahun ini, turut mendapat pengiktirafan dari Institut Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (Islamic Banking and Finance Institute of Malaysia - IBFIM) apabila seramai sembilan graduan dalam program ini dianugerahkan Sijil Ahli Bersekutu dalam Kewangan Islam (Associate Qualification in Islamic Finance - AQIF).

Pensijilan profesional dalam Kewangan Islam yang ditawarkan IBFIM, termasuk Sijil AQIF jelasnya, telah diperakui oleh pihak industri kewangan di seluruh dunia dan memenuhi piawaian industri, selain menerima akreditasi penuh daripada Finance Accreditation Agency (FAA).

Terdahulu, Rektor UNISSA menyembahkan, pada tahun ini, buat julung kalinya Haf Al-Takharruj menyaksikan graduan keluaran pertama daripada Program Ijazah Sarjana Muda Tahfiz dan Qiraat; dan Program Sarjana Sains Halal.

Kepentingan kedua-dua program tersebut, menurutnya, adalah sangat signifikan dalam usaha kerajaan mengembangkan

potensi individu dan ekonomi negara secara seimbang, berdasarkan Al-Quran juga Al-Sunnah untuk pembangunan dan kemakmuran negara demi mencapai kebaikan di dunia juga akhirat.

"Mengambil sukut baik Haf Al-Takharruj Ke-10 UNISSA, pada tahun ini, abis Hamba Kebawah Duli Tuan Patik mengungkap rasa syukur yang tidak terhingga ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan kehendak-Nya juga dengan titah perkenan Kebawah Duli Tuan Patik, maka Mushaf UNISSA yang ditulis dengan tulisan tangan oleh anak tempatan telah mula digunakan pada hari ini, sebagai pengganti cokmar Haf Al-Takharruj UNISSA".

"Sebagai lakaran ristaan dan imbasan sejarah penulisan Mushaf UNISSA, hamba Kebawah Duli Tuan Patik menyembahkan, bahawa Kebawah Duli Tuan Patik telah pun berkenan memulakan penulisan Surah Al-Fatiyah Mushaf ini pada 26 Zulkaedah 1432 Hijrah bersamaan 24 Oktober 2011, iaitu semasa Majlis Perasmian Mahrajan Haf Al-Takharruj Pertama UNISSA. Setelah itu, penulisan mushaf UNISSA diteruskan, di mana 'khattat' (penulis) mushaf ini adalah daripada kalangan anak-anak tempatan sendiri. Di sinilah keunikan dan keistimewaan yang dimiliki oleh

mushaf ini. Sentuhan setiap lembaran, termasuk hiasan kaligrafi dan reka bentuk pada bingkai halaman adalah hasil kreativiti anak-anak tempatan yang terlatih dan berkemahiran tinggi," tambahnya lagi.

Bagi memastikan penulisan mushaf ini mematuhi kaedah penulisan yang ditetapkan, ujarnya, penelitian dan penyemakan telah dilakukan oleh Jawatankuasa Meneliti dan Menyemak Mushaf UNISSA, di mana ahli-ahlinya adalah terdiri daripada para huffaz, pakar-pakar Al-Quran dan Qiraat tempatan juga luar negara.

Dalam kesempatan yang bermakna ini, Rektor UNISSA, seterusnya menyembahkan settinggi-tinggi menjunjung kasih atas keberangkatan tidak berjadual Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bercemar duli ke kampus sementara UNISSA baru-baru ini, di mana keberangkatan baginda itu mencerminkan pemelulian yang tinggi bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran di UNISSA berjalan dengan baik juga lancar.

"Hamba Kebawah Duli Tuan Patik bersama-sama warga UNISSA juga dengan penuh takzim sukcita menjunjung titah Kebawah Duli Tuan Patik semasa keberangkatan tersebut, untuk UNISSA



**REKTOR UNISSA dalam sembah alu-aluannya.**

menubuhkan sebuah fakulti baharu, iaitu Fakulti Pertanian yang sudah setentunya akan memainkan peranan penting dalam membantu pihak kerajaan mengembangmajukan sektor pertanian serta melahirkan para graduan yang berpandangan jauh ke hadapan dan berupaya bersaing dalam arena industri pertanian melalui penerokaan kaedah-kaedah baharu dan penggunaan teknologi terkini, termasuklah memperkasa bidang penyelidikan pertanian," terangnya lagi.